



## “MAULIDUR RASUL : BUKTIKAN CINTA KEPADA RASULULLAH SAW”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا  
نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا<sup>ج</sup> وَاتَّقُوا اللَّهَ<sup>ص</sup> إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ<sup>س</sup>  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,



Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya ketakwaan kepada Allah akan mendorong kita agar berhati-hati dalam segala tindakan dan tingkahlaku kita. Dengan takwa inilah mudah-mudahan kita akan memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

### **Sidang hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Bersempena sambutan Maulid Rasul pada tahun ini yang bertemakan "Perpaduan Nadi Transformasi Ummah". Maka marilah kita hayati khutbah minggu ini yang bertajuk "**BUKTIKAN CINTA KEPADA RASULULLAH SAW**". Mudah-mudahan ianya akan memandu kita menjalani kehidupan berpandukan sunnah Baginda SAW secara menyeluruh dalam kehidupan harian.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Sesungguhnya perasaan kita penuh dengan kerinduan kepada Rasulullah saw yang dengannya kita dapat menikmati hidayah dan jalan mengesakan Allah SWT. Sebagai seorang yang mencintai baginda, tentu sekali kita sentiasa terkenang akan sirah perjuangan dan lakaran pengorbanan Rasulullah SAW sehingga kita semua dapat menerima nikmat Islam dan Iman.

Sebagai seorang Muslim, perlulah kita sentiasa bermuhasabah sejauh manakah kita berjaya membuktikan cinta kita kepada Baginda SAW. Tidak cukup dengan hanya mengadakan sambutan, perayaan, perarakan dan berslogan cintai Rasulullah SAW semata-mata akan tetapi hendaklah kita



buktikan kepada Rasulullah SAW dengan mengamalkan segala suruhan Baginda dan menjauhi segala larangannya.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hasyr ayat 7:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ  
فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

*"Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka tinggalkan-Nya dan bertakwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya)".*

Rasulullah SAW meninggalkan sebuah perjuangan suci sebagai rahmat ke sekalian alam untuk kita warisi dan terus memperjuangkannya. Segala bentuk penyelewengan aqidah, syariah dan akhlak hendaklah dibanteras hingga ke akar umbi agar manusia hidup dalam keadaan harmoni dan sejahtera.

### **Sidang Jumaat Para Tetamu Allah SWT,**

Kalimah cinta bukan hanya mampu diungkap dibibir tanpa dibuktikan dengan amalan dan perbuatan. Begitu juga cinta kita kepada Baginda SAW tidak hanya menjadi permainan lidah yang bijak mengungkap ayat-ayat cinta namun ia mestilah dapat dibuktikan dengan amalan, pengorbanan, mampu melaksana dan mempertahankan sunnahnya hatta mampu membela batang



tubuh Baginda SAW daripada penghinaan dan momokan musuh-musuh Islam.

Hadis daripada Anas Bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ  
وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

*"Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah aku lebih disayanginya melebihi ibu bapanya, anak-anaknya dan manusia keseluruhannya".*

*(Hadis riwayat al- Bukhari dan Muslim).*

Hadis tersebut memberikan isyarat kepada kita bahawa kecintaan dan keimanan kepada Allah SWT tidak pernah sempurna melainkan kita terlebih dahulu mencintai, mengimani dan mengikuti apa yang Rasulullah saw perintahkan kepada kita.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,**

Marilah kita buktikan kecintaan kita dengan sanggup berkorban apa sahaja untuk Allah dan Rasul-Nya. Antara bukti-bukti kecintaan kita terhadap Rasulullah SAW ialah:

1. Kita hendaklah mendahulukan segala hukum dan ketetapan Allah dan Rasul-Nya ke atas setiap urusan kita.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 36:



وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ  
أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ <sup>قُلْ</sup> وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُبِينًا ﴿٣٠﴾

*"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata".*

2. Kita hendaklah mempertahankan Nabi SAW sebagai Rasul yang terakhir seperti mana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 40 :

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ  
اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ <sup>قُلْ</sup> وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

*"Bukanlah Nabi Muhammad SAW itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasulullah dan kesudahan bagi segala nabi-nabi. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu".*

3. Tanda cinta kita kepada Rasulullah SAW maka kita hendaklah membenarkan sesuatu yang dituturkan oleh Nabi SAW. Sesungguhnya



apa yang dituturkan oleh Rasulullah SAW adalah merupakan suatu tuntutan yang mesti diikuti.

Firman Allah SWT dalam Surah an-Najm ayat 3-4:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ ۙ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۗ ۙ

*"Tidaklah dia (Muhammad) itu bercakap mengikut hawa nafsunya. Segala apa yang dikatakannya tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan".*

Daripada ayat ini jelaslah kepada kita bahawa setiap perkara yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW itu perlulah kita percaya dengan sebenar-benarnya tanpa ada sebarang keraguan dalam hati kita.

4. Tanda cinta kita kepada Rasulullah SAW maka kita hendaklah bersungguh-sungguh memelihara hadis-hadis Nabi dengan mempelajarinya dan juga menolak sebarang pendustaan terhadap Baginda SAW.

Dalam hal ini satu hadis daripada Anas bin Malik menjelaskan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ  
النَّارِ



*"Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja maka dia telah menempah tempatnya di dalam api neraka".*

*(Hadith muttafaqun 'alaih).*

5. Tanda cinta kita kepada Rasulullah SAW maka kita hendaklah menjaga adab dengan memperbanyakkan selawat dan salam kepada Baginda SAW.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

*"Sesungguhnya Allah SWT dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi , maka wahai orang-orang yang beriman berselawat dan salamlah kamu kepadanya".*

6. Tanda cinta kita terhadap Rasulullah SAW maka contohilah cara hidup (sunnah) Nabi SAW. Sesungguhnya manusia akan berada dalam kesesatan jika mereka jauh daripada panduan al-Quran dan tidak menghiraukan suruhan atau larangan Rasulullah SAW.

Hadis daripada 'Irbadh Bin Sariyah bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa yang hidup selepasku nescaya akan melihat perselisihan yang cukup banyak. Maka tetaplah kamu dengan sunnahku dan sunnah khulafa' al-Rasyidin yang telah diberikan petunjuk, dan genggamlah ia*



*serta gigitlah ia dengan gigi-gigi geraham kamu. Maka jauhilah kamu daripada perkara yang diada-adakan kerana ianya merupakan perkara bid'ah dan setiap perkara bid'ah itu membawa kepada kesesatan".*

*(Hadith riwayat Abu Daud).*

Sidang Jumaat sekalian,

Kita perlu mengikut gaya hidup Nabi Muhammad SAW kerana Baginda merupakan contoh terbaik kepada seluruh manusia dalam pelbagai perkara termasuklah dalam hal-hal berkaitan dengan pentadbiran negara, urusan rumah tangga, pergaulan sesama masyarakat dan lain-lain lagi.

Oleh itu, marilah kita sentiasa mempelajari, beramal dan mempertahankan sunnah Rasulullah SAW agar kehidupan kita terjamin dan mendapat keredhaan Allah SWT dan selanjutnya diperakukan menjadi umat Muhammad SAW.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ  
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".*

*(ali Imran - 31).*





بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti banjir besar, sebagaimana yang dihadapi oleh semua penduduk di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis dan Perak dan lain-lain tempat yang terkena musibah banjir ini.

Sesungguhnya kami semua hamba-hamba-Mu yang lemah, engkau perintahkanlah bumi-Mu menelan airnya, Engkau perintahkanlah langit-Mu berhenti mencurahkan airnya, Kami tidak berdaya untuk menanggung ujian daripada-Mu, sesungguhnya Engkau Ya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.



Kasihilah kami semua, Kami mohon kepada-Mu, redakanlah bencana ini, dan lindungilah kami semua, daripada perkara-perkara yang buruk.

Sesungguhnya Engkau tidak akan menimpakan sesuatu, kepada kami melainkan sebagai peringatan kepada kami, di atas segala dosa-dosa dan kelalaian kami kepada-Mu.

Sesungguhnya kami telah menzalimi diri kami, ampunkanlah kami, sesungguhnya Engkau Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Jangan Engkau biarkan hati, iman kami terpesong dan lalai sehingga melupakan tanggungjawab kami kepada-Mu, rahmatilah kami semua Ya Allah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهُ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*  
JAIS/Nurul  
18.12.2014